

JPS perlu RM20 juta

KOTA BHARU - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan memerlukan kira-kira RM20 juta bagi membina 'geo bag' iaitu guni pasir sebagai langkah jangka pendek hakisan.

Pengarahnya, Shahimi Sharif berkata, berdasarkan pemantauan pihaknya, hakisan kritikal sudah berlaku di Kampung Pulau Kundor sejauh 3.3 kilometer (km) dan kawasan itu sudah dipasang benteng menggunakan geo bag.

"Sekarang ini, JPS negeri giat memberi tumpuan terhadap masalah hakisan di Kampung Pulau Kundor dan Pantai Mek Mas yang memerlukan peruntukan RM20 juta.

"Masalah hakisan teruk di dua pantai itu sudah dikemukakan kepada kerajaan persekutu-

an dan sudah mendapat kelulusan untuk perbelanjaan menerusi Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) sebanyak RM20 juta," katanya.

Shahimi berkata, hakisan pantai itu dikategorikan sebagai paling kritikal terutama di sepanjang 3.5 meter Kampung Pulau Kundor dan kira-kira 100 meter lagi di Pantai Mek Mas.

"Bagaimanapun, pembinaan benteng penahan hakisan di Kampung Pulau Kundor sudah siap dibina sejak Mei hingga Jun lalu dengan peruntukan awal kira-kira RM1 juta daripada kerajaan persekutuan.

"Kadar hakisan di Pantai Kundor 10 meter setahun dan hakisan berlaku teruk semasa air pasang besar," katanya.



Seorang penduduk Kampung Pantai Kundor menunjukkan keadaan geo bag yang susun untuk menahan hakisan pantai, semalam.